

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]  
**TARIKH** : 25 November 2014  
**SOALAN** : Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah anggaran sebenar keperluan bekalan ikan setahun kepada negara.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2013, sub-sektor perikanan telah menyumbang sebanyak 1.74 juta tan metrik ikan makan dengan nilai RM10.8 bilion. Pada tahun 2013, pengeluaran ikan makanan telah mencapai 125% tahap sara diri (*Self Sufficient Level SSL- dengan izin*) yang menunjukkan pengeluaran ikan makanan telah melepasi 100% keperluan dalam negara.

Pendaratan ikan makan yang terdiri dari perikanan marin berjumlah 1.483 juta tan metrik manakala sumbangan akuakultur berjumlah

0.261 tan metrik dan periaran umum 0.006 juta tan metrik merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran ikan negara.

Berdasarkan laporan kiraan banci 2010 dari Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa jumlah penduduk di Malaysia adalah seramai 28.6 juta orang dan dijangka akan meningkat sebanyak 10 juta (35%) kepada 38.6 juta pada 2040. Pada tahun 2013, dilaporkan penduduk Malaysia telah meningkat kepada 30 juta orang.

Merujuk kepada pertambahan penduduk tersebut adalah dianggarkan keperluan ikan makanan adalah berjumlah 1,369.1 tan metrik pada tahun 2014 dan meningkat 6.9% iaitu 1,464.5 tan metrik pada tahun 2020. Justeru itu, permintaan dan keperluan terhadap ikan sebagai sumber makanan terus meningkat seiring dengan peningkatan penduduk dan kesedaran pengguna terhadap sumber protein yang lebih sihat dan berkhasiat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014  
[ SELASA ]  
DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan berikutan masalah kesesakan lalu lintas yang tidak terkawal dan semakin teruk di kawasan Sepanggar, apakah Kementerian mempunyai pelan strategik untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Sepanggar adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum akan perkara tersebut dan akan berbincang dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk membuat kajian aliran trafik di Sepanggar khususnya dan negeri Sabah amnya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014